



## PETIKAN TITAH



KUPU SB memainkan peranan penting untuk melahirkan guru-guru agama yang terlatih, selaku tonggak pembentuk akhlak dan pembekal ilmu bagi anak bangsa.

Untuk keberkesanan pendidikan, Beta sangat berharap supaya KUPU SB sentiasa menilai dan memperbaharui program-programnya supaya kekal relevan dan memenuhi keperluan negara, khasnya dalam bidang Pendidikan Islam. Disamping menghasilkan graduan, maka yang dihasilkan itu juga hendaklah mampu untuk bersaing dalam pasaran kerja.

Beta juga menyambut baik akan segala usaha pembaikan, kerana pada hemat Beta, ini adalah tindakan yang tepat bagi sesebuah institusi pengajian tinggi untuk melakukannya dalam memburu kecemerlangan.

KUPU SB mesti menjadi pelopor bagi memperkasa pendidikan agama dan juga jadi peneraju kepada dasar pendidikan patuh syarak. Dalam makna, KUPU SB bukan hanya setakat untuk melihat ke dalam dirinya semata-mata, malah juga berhak untuk turut memantau dan menilai, bahkan untuk memberi pandangan tentang mana-mana amalan atau strategi pendidikan yang memerlukan pembaikan dari segi hukum dan kemasyarakatan.

Dalam erti kata lain, KUPU SB mempunyai tanggungjawab tersendiri untuk menyuarakan pandangannya melalui Majlis KUPU SB tentang apa-apa jua yang berkaitan dengan pendidikan agama, selaras dengan tanggungjawab yang khusus dalam bidang perguruan agama.


### TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sempena Majlis Konvokesyen Kali Ke Empat Belas Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan



# MAJLIS PERASMIAN PESTA BUKU BRUNEI 2024 SEMPENA SAMBUTAN BULAN BAHASA



**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Rabiulakhir 1446 / 2 November 2024** - Pada tahun 2024, Pesta Buku Brunei diadakan selama 10 hari mulai 2 hingga 11 November 2024 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis dan seterusnya merasmikan Pesta Buku Brunei 2024 ialah Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II. Turut hadir ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Tetamu Khas.

Acara kemuncak majlis ialah pelancaran aplikasi BudayaBN, perkhidmatan terbaharu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hasil usaha sama Sektor Kebudayaan dan Unit Teknologi Maklumat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis perasmian Pesta Buku Brunei 2024 juga diserikan dengan persembahan sketsa Hikayat 4 Pemalas oleh Rampun Kesenian Insan Sastera (RAKIS), sebuah kelab kegiatan sastera di Universiti Brunei Darussalam. Sketsa ini diadaptasi daripada komik Hikayat 4 Pemalas karya Dr. Ena Wasli, Pensyarah Program Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam.

Pesta Buku Brunei 2024 membawa tema "Lestari Buku, Santuni Budaya" dan berkonsepkan didik hiburan (edutainment). Ia dibukakan bagi kunjungan orang ramai setiap hari bermula pada 2 hingga 11 November 2024, pukul 8.30 pagi hingga 9.30 malam, kecuali hari Jumaat pada pukul 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.30 petang hingga 9.30 malam.

Sambungan Muka Surat 3



## MAJLIS SELAMAT BELAYAR BAGI DELEGASI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGERA DAN JEPUN KE-48, 2024 (SSEAYP 48)



**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Jamadilawal 1446 / 3 November 2024** - Delegasi Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada 15 orang belia dan seorang Ketua Delegasi (National Leader) telah berlepas ke Tokyo, Jepun bagi menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun ke-48 (SSEAYP 48).

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Yang Mulia Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, Pengarah Belia dan Sukan.

Sambungan Muka Surat 5



# GLOBAL NETWORK FOR YOUTH COMPETITIVENESS "HOPE NETWORK"



**MANAMA, BAHRAIN, Selasa, 3 Jamadilawal 1446 / 5 November 2024** — Majlis Pelancaran The Global Network for Youth Competitiveness 'Hope Network' di bawah pengendalian Kementerian Hal Ehwal Belia, Bahrain telah berlangsung pada 5 November 2024.

Hadir ke majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama Menteri-Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal belia dan beberapa organisasi daripada Kemboja, Republik Demokratik Rakyat Algeria, Turkiye, Republik Islam Pakistan, Maghribi, Kyrgyzstan, Republik Rakyat China, Republik Cyprus, Itali, Republik Afrika Selatan, Republik Tunisia dan Persekutuan Rusia, Libya, Amerika Syarikat, negara-negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC). Turut hadir Pejabat Belia Bangsa-Bangsa Bersatu, Majlis Wilayah Persekutuan Sirius, dan Liga Negara-Negara Arab.



# MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN MENGHADIRI PERSIDANGAN KELUARGA ASIA DI REPUBLIK SINGAPURA



**REPUBLIK SINGAPURA, Khamis, 5 Jamadilawal 1446 / 7 November 2024** - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia, dan Sukan telah menghadiri Persidangan Keluarga Asia (Asian Family Conference) yang diadakan di Republik Singapura pada 6 hingga 7 November 2024.

Persidangan yang bertemakan "Keluarga Asia Yang Kuat dan Berdaya Tahan: Cabaran dan Peluang" ini dikelola bersama oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga, Republik Singapura bersama Universiti

Sains Sosial, Singapura. Persidangan turut dihadiri oleh Menteri-Menteri ASEAN, ahli-ahli akademik dan ketua-ketua organisasi dari rantau Asia yang bertanggungjawab atas hal ehwal sosial dan kekeluargaan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut disertai oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta pegawai-pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



# 9TH ASEAN TRADITIONAL TEXTILE SYMPOSIUM 2024 LAOS



**VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO (LAO PDR), Khamis, 5 Jamadilawal 1446 / 7 November 2024** - 9th ASEAN Traditional Textile Symposium telah diadakan pada 3 hingga 6 November di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao (Lao PDR).

Hadir dalam simposium tersebut dan seterusnya turut membentangkan kertas kerja bertajuk "Islamic Influences on Tenunan Brunei" ialah Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dengan membawa tema "Weaving a Stronger ASEAN Community through Cultural Heritage and Textiles", sebanyak 17 kertas kerja telah disampaikan dari pelbagai negara termasuklah Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam, Timor Leste, China, Perancis dan Korea Selatan.

# 13TH ASEAN PUBLIC PRIVATE PEOPLE PARTNERSHIP FORUM ON RURAL DEVELOPMENT AND POVERTY ERADICATION (13TH PPP RDPE FORUM)



**BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Jamadilawal 1446 / 12 November 2024** - Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun ini telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN bagi Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan dan Mesyuarat Berkaitan Kali Ke-21 (21st ASEAN Senior Officials Meeting on Rural Development and Poverty Eradication (21st SOMRDPE and Related Meetings). Mesyuarat diadakan di The Rizqun International Hotel, Gadong.



Acara dimulakan dengan 13th ASEAN Public Private People Partnership Forum on Rural Development and Poverty Eradication (13th PPP RDPE Forum) dengan tema "Youths as Agents of Change Towards a Resilient ASEAN: Strengthening the Role of Youths in Poverty Eradication and Rural Development".

Forum dipengerusikan bersama oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Awang Abdul Walid bin Haji Matassan, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.



# MAJLIS MAKAN MALAM BAGI DELEGASI 21ST SOMRDPE AND RELATED MEETINGS




**BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Jamadilawal 1446 / 12 November 2024** - Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun ini telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN bagi Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan dan Mesyuarat Berkaitan Kali Ke-21 (21st ASEAN Senior Officials Meeting on Rural Development and Poverty Eradication (21st SOMRDPE and Related Meetings) yang berlangsung sehingga 14hb November 2024. Mesyuarat diadakan di The Rizqun International Hotel, Gadong.



Para delegasi yang menghadiri mesyuarat berkenaan diraikan pada Majlis Makan Malam yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Jerudong. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis makan malam ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Turut dihadiri oleh Tuan Yang Terutama San Lwin, Timbalan Setiausaha Agung ASEAN, Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) serta Ahli Jawatankuasa mesyuarat.



## MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN ASEAN BAGI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN PEMBASMIAN KEMISKINAN DAN MESYUARAT BERKAITAN KALI KE-21 (21ST SOMRDPE)



**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Jamadilawal 1446 / 12 November 2024** – Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN bagi Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan dan Mesyuarat Berkaitan Kali Ke-21 atau “21st Asean Senior Officials Meeting on Rural Development and Poverty” (21st SOMRDPE and Related Meetings) yang telah bermula pada 12 November 2024 telah melabuhkan tirainya setelah berlangsung selama 3 hari di The Rizqun International Hotel, Gadong.

Mesyuarat 21st SOMRDPE dan SOMRDPE+3 telah dipengerusikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) selaku Pengerusi Mesyuarat SOMRDPE.

Delegasi juga di bawa melawat ke Pusat Pembangunan Belia, Kampung Tanah Jambu untuk melihat kursus-kursus yang ditawarkan kepada belia dan komuniti.



Sambungan Muka Surat 12



# PELANCARAN HARI BEKARIH YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH TAHUN 2024 (HBY2024)



**BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 Jamadilawal 1446 / 15 November 2024** – Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengadakan Majlis Pelancaran Hari Bakariah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2024 (HBY 2024) bertempat di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan. Hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan HBY2024 ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-Bantuan YSHHB.

HBY2024 diadakan bermula 15 November hingga 1 Disember 2024 dan dibukakan kepada orang ramai bermula pukul 3 petang hingga 9 malam.


Selain daripada aktiviti jualan, pelbagai aktiviti menarik juga disediakan bagi para pengunjung seperti Fun Fair, Memanah, Amazing Race, Face Painting, Henna Painting, Pertandingan Makan, Pertandingan Membuat Mini Lego, Pertandingan Membuat Teh Tarik, Kempen Derma Darah, Peraduan Mewarna dan bermacam-macam lagi.



# MAJLIS PERASMIAN CARNIVAL KEUSAHAWANAN PUSAT PEMBANGUNAN BELIA (YOUTH CARNIVAL 2024)



**BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 Jamadilawal 1446 / 15 November 2024** – Sebanyak 80 buah syarikat atau vendors terdiri dari pengusaha-pengusaha MSMEs dan peniaga-peniaga *established* telah menyertai YDC Carnival 2024 pada 14 hingga 17 November 2024 bertempat di Hab Belia, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.



Majlis Pelancaran YDC Carnival 2024 telah disempurnakan oleh Tetamu Kehormat Majlis iaitu Yang Mulia Awang Lim Hang Ping selaku Timbalan Pengarah, Darussalam Enterprise (DARE). Seterusnya, mengiringi Tetamu Kehormat Majlis adalah wakil dari Pusat Pembangunan Belia iaitu Yang Mulia Awang Haswandi bin Haji Osman selaku Penolong Pengarah Pusat Pembangunan Belia dan wakil dari Vigorous Event Management, Awang Stevenson bin Batong bagi sama sama merasmikan Majlis Pelancaran.



## SESI MELAPOR DIRI PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN) PENGAMBILAN KE-13



**DAERAH TEMBURONG, Ahad, 15 Jamadilawal 1446 / 17 November 2024 –** Sesi Melapor Diri Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-13 telah berakhir pada hari Ahad 17 November 2024.

Ini menandakan bermulanya latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-13 yang akan dijalankan dengan jangka waktu selama 103 hari dan akan menamatkan latihan pada hari Khamis 27 Februari 2025 nanti.

# MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA TERTINGGI SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-41, TAHUN 2025



## **BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Jamadilawal 1446 / 18 November 2024**


– Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 telah diadakan bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, Menteri Pendidikan selaku Pengerusi Bersama.

Sambungan Muka Surat 17



## KUNJUNGAN PERPISAHAN



**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Jamadilawal 1446 / 21 November 2024** – Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menerima kunjungan perpisahan daripada Tuan Yang Terutama Luke Lazarus Arnold, Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam.

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Asran bin Pengiran Haji Mahmud, Penolong Pengarah Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## THE ASIA-PACIFIC MINISTERIAL CONFERENCE ON THE BEIJING +30 REVIEW

**BANGKOK, THAILAND, Khamis, 19 Jamadilawal 1446 / 21 November 2024** – The Asia-Pacific Ministerial Conference on the Beijing+30 Review telah diadakan di United Nations Conference Centre, Bangkok, Thailand, pada 19 hingga 21 November 2024. Persidangan tersebut dipengerusikan oleh Ms. Ing Kantha Phavi, Menteri Hal Ehwal Wanita di Cambodia.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ketua Delegasi, berserta pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Persidangan tersebut menilai kemajuan yang dicapai dan cabaran yang dihadapi dalam rantau Asia-Pasifik dalam pelaksanaan Beijing Declaration and Platform for Action, yang telah dilancarkan 30 tahun yang lalu. Perwakilan yang hadir dijemput untuk menyampaikan kenyataan negara serta menyertai dalam forum panel dan perbincangan *roundtable*.

Perbincangan utama merangkumi tema pemberdayaan ekonomi wanita, pengukuhan kepimpinan wanita, dan pembangunan strategi yang mampan untuk menangani keganasan terhadap wanita dan gadis, terutamanya dalam konteks pasca pandemik serta usaha untuk memastikan kesaksamaan jantina dan pemeraksanaan wanita adalah penting dalam mencapai 2030 Agenda for Sustainable Development.



# PAMERAN SENI AMAL SEMPERA ULANG TAHUN SMARTER BRUNEI KE-23



**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jamadilawal 1446 / 23 November 2024** – Lebih 130 karya hasil pelajar Persatuan SMARTER Brunei dipamerkan pada Pameran Seni Amal sempena Ulang Tahun SMARTER Brunei Ke-23 yang diadakan di Pusat SMARTER E.D.G.E (Early Development Growth & Enabling), Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong.



Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan perasmian acara pameran tersebut ialah Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## ACARA KEMUNCAK HARI KANAK-KANAK SEDUNIA 2024 BENGKEL "VOICES OF CHILDREN"



**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Jamadilawal 1446 / 25 November 2024** – Sebagai sebahagian daripada sambutan global Hari Kanak-kanak Sedunia 2024, Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, agensi swasta dan persatuan-persatuan bukan kerajaan menganjurkan Bengkel Voices of Children bertajuk "Memperkasa Kanak-kanak untuk Turut Serta: Hak Kanak-kanak dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Bengkel tersebut diadakan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dihadiri oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat.

Bengkel ini dikendalikan oleh Yang Mulia Dayang Nurul Hadina binti Haji Alias dari MyActionforSDGs selaku fasilitator utama. Bengkel dihadiri oleh 60 orang pelajar dari Tahun 9 dan 10 dari sembilan buah sekolah. Tujuan bengkel ini adalah untuk mendidik peserta mengenai hak kanak-kanak dan SDG, memberi inspirasi kepada empati, menggalakkan advokasi dan tindakan, memupuk kerjasama dan kreativiti, serta meraikan kejayaan untuk memacu perubahan yang bermakna dalam komuniti.



# MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN PERSAHABATAN BIMPNT-EAGA KE-11



## **BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Jamadilawal 1446 / 26 November 2024**

– Negara Brunei Darussalam akan menyertai Sukan Persahabatan BIMPNT-EAGA Ke-11, 2024 yang akan diadakan di Puerto Princesa, Republik Filipina bermula pada 1 hingga 5 Disember 2024.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Sukan Persahabatan BIMPNT-EAGA Ke-11, Puerto Princesa, Republik Filipina 2024 telah diadakan bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir menyempurnakan penyerahan bendera negara tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam dianggotai seramai 53 orang terdiri daripada 38 orang atlet dan 15 orang pegawai termasuk Chef de Mission, Ketua Urus Setia, Pegawai Urus Setia, Pegawai Perhubungan, Fisioterapi, Jurulatih dan Pengurus.

Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam akan menyertai sebanyak enam (6) acara sukan iaitu Akuatik (Renang), Badminton, Karate, Olahraga, Pencak Silat, dan Sepak Takraw.

Sambungan Muka Surat 24



# MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN) PENGAMBILAN KE-13

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25  
Jamadilawal 1446 / 27 November**

**2024** — Majlis Pelancaran Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-13 dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Tetamu Kehormat Majlis di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong.

Acara diselenggarakan dengan Majlis Penyampaian Sijil Program 'Train-the-Trainers' Siri 01 dan dimulakan dengan tayangan video Program 'Train-the-Trainers' Siri 01. Kemudian, Yang Mulia Pengerusi Majlis sekali lagi menjemput Yang Berhormat Tetamu Kehormat Majlis bagi penyampaian sijil dan hadiah Alumni Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Terbaik Program 'Train-the-Trainers' Siri 01.



# KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PUAN YANG TERUTAMA KATERYNA ZELENSKO, DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK UKRAINE REPUBLIC SINGAPURA DAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (YANG TIDAK MENETAP)



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PUAN YANG TERUTAMA KATERYNA ZELENSKO, DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK UKRAINE REPUBLIC SINGAPURA DAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (YANG TIDAK MENETAP)  
28 November 2024 di Bilik Kunjungan, Bangunan KKBS

[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn) [kkbs\\_brunei](#) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn) [kkbs\\_brunei](#) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn) [kkbs\\_brunei](#) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan




[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn) [kkbs\\_brunei](#) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Jamadilawal 1446 / 28 November 2024** — Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menerima kunjungan hormat daripada Puan Yang Terutama Kateryna Zelenko, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Ukraine Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam (Yang Tidak Menetap).

Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abd Hamid, Pengarah Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

# UPACARA SELAMAT BELAYAR KUMPULAN KEDUA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN PERSAHABATAN BIMPNT-EAGA KE-11, PUERTO PRINCESA, REPUBLIK FILIPINA 2024



**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Jamadilawal 1446 / 28 November 2024** — Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang berangkat menyertai Sukan Persahabatan BIMPNT-EAGA Ke-11 bagi kumpulan kedua telah berlepas ke Puerto Princesa, Republik Filipina dianggotai seramai sebelas (11) orang terdiri daripada Fisioterapi, Pengurus, Jurulatih dan atlet sukan Pencak Silat.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan seterusnya memberikan kata-kata nasihat ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) selaku menjalankan tugas Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.


## MESYUARAT MENTERI-MENTERI ASEAN MENGENAI WANITA KALI KE-5 (5TH AMMW) "KE ARAH MASYARAKAT INKLUSIF MELALUI PENGARUSUTAMAAN GENDER DAN PEMERKASAAN WANITA"



**BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 27 Jamadilawal 1446 / 29 November 2024**— Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi Bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Wanita Kali ke-5 (5th AMMW) yang diadakan secara hibrid.

Mesyuarat ini dirasmikan dan dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Dr. Soe Win, Union Minister for Social Welfare, Relief and Resettlement, Ministry of Social Welfare, Relief and Resettlement, The Government of the Republic of The Union of Myanmar selaku Menteri AMMW. Mesyuarat juga turut dihadiri oleh Menteri-Menteri AMMW negara-negara ahli ASEAN dan wakil, serta Timbalan Setiausaha Agung ASEAN. Timor-Leste juga hadir sebagai pemerhati.

## KEJOHANAN KARATE TERBUKA RENGOKAI KARATE BRUNEI DARUSSALAM (RKBD)



**BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 27 Jamadilawal 1446 / 29 November 2024** — Majlis Pembukaan Kejohanan Karate Terbuka Rengokai Karate Brunei Darussalam (RKBD), Tahun Persahabatan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jepun Ke-40, 2024 berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas selama tiga hari bermula hari Jumaat, 29 November 2024 hingga Ahad, 1 Disember 2024.

Kejohanan karate itu dianjurkan oleh Rengokai Karate Brunei Darussalam (RKBD) dengan sokongan oleh Persekutuan Karate Brunei Darussalam (BRUKAF), Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Majlis Pembukaan Rasmi kejohanan berkenaan disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebanyak enam kategori dipertandingkan masing-masing bagi Acara Individu Kata dan Kumite serta Berpasukan Kata dan Kumite iaitu di bawah Kategori 'A' (6-8 tahun); Kategori 'B' (9-10 tahun); Kategori 'C' (11-13 tahun); Kategori 'D' Kadet (14-15 tahun); Kategori 'E' Junior (16-17 tahun) dan Kategori 'F' bawah 21 (18-21 tahun).



# UPACARA SELAMAT BELAYAR KUMPULAN KETIGA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN PERSAHABATAN BIMPNT-EAGA KE-11, PUERTO PRINCESA, REPUBLIK FILIPINA 2024



**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Jamadilawal 1446 / 29 November 2024** — Sukan Persahabatan BIMPNT-EAGA Ke-11 yang dijadual berlangsung di Puerto Princesa, Republik Filipina akan bermula pada 1 hingga 5 Disember 2024.

Bagi rombongan ketiga ini, Kontinjen Negara Brunei Darussalam seramai 40 orang terdiri daripada Chef de Mission, Ketua Urus Setia, 2 orang Pegawai Perhubungan, Fisioterapi, Pengurus, 4 orang Jurulatih dan 30 orang atlet telah berlepas hari ini ke Puerto Princesa, Republik Filipina bagi menyertai kejohanan tersebut.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) selaku menjalankan tugas Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## MESYUARAT MENTERI-MENTERI BELIA ASEAN KE-TIGA BELAS (AMMY XIII)



**MYANMAR, Sabtu, 28 Jamadilawal 1446 / 29 November 2024** — Mesyuarat Menteri-Menteri Belia ASEAN Ke-Tiga Belas (AMMY XIII), bertemakan "Encouraging Youth's Contribution Towards a Cohesive Society in ASEAN", telah dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Mr. Minn Thein Zan, Union Minister, Ministry of Sports and Youth Affairs, Myanmar dan dihadiri oleh para Menteri ASEAN atau wakil yang bertanggungjawab bagi hal ehwal belia dan Perwakilan Peringkat Tinggi serta Timbalan Setiausaha Agung Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC), yang diadakan melalui persidangan video.

AMMY XIII dan AMMY+3 ke-9 adalah platform untuk Menteri dan Perwakilan Peringkat Tinggi serta pihak berkepentingan yang berkaitan dalam bidang hal ehwal belia untuk bertukar-tukar pandangan dan membincangkan kerjasama kearah memperkasa belia ASEAN dalam usaha membangun Komuniti ASEAN selaras dengan Kenyataan Pemimpin' ASEAN mengenai pembangunan Komuniti ASEAN Pasca-2025.



کمنتريڻ کبوداڤاڤن، بليادان سوکن  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam**

**E-mel:** [Info@kkbs.gov.bn](mailto:Info@kkbs.gov.bn)

**Laman Sesawang:** [www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)

**Instagram:** @kkbs\_brunei

**Facebook:** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan